


# NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Kecederaan jejas persiapan Sheik

Berita Minggu, 21 January 1996, Page 20

 Article also available on Microfilm Reel NL20572

Printer-Friendly Page

# Kecederaan jejas persiapan Sheik

**SILAT** Oleh | | **Mohd Sani Ali**

**JUARA** silat dunia, Sheik Alauddin Yacoob, disahkan mengalami pelbagai kecederaan.

Pemenang pingat emas Sukan SEA Chiangmai dan Kejohanan Dunia 1994 itu mengalami keretakan (*hair-line fracture*) di pergelangan tangan kanan dan ketumbuhan tulang di bahagian siku tangan kirinya.

Menurut Sheik, beliau hanya menyedari kecederaan itu

selepas menjalani pemeriksaan lanjut di bawah pemerhatian seorang pakar di Hospital Universiti Nasional minggu lalu.

“Keretakan dan ketumbuhan tulang itu hanya dikesan selepas dilakukan *X-ray*,” jelas Sheik.

Beliau dinasihatkan agar menjalani pembedahan, tetapi berasa keberatan.

Menurutnya, beliau akan mendapatkan pandangan dan nasihat lanjut sebelum membuat keputusan muktamad.

“Saya tidak mahu pembedahan ini menjejaskan persiapan saya untuk mempertahankan mahkota kejuaraan silat dunia yang akan berlangsung pada Oktober atau hujung tahun ini,” katanya.

Sheik berkata, beliau sedar sebarang pembedahan yang dilakukan ketika ini bererti beliau perlu berehat sekurang-kurangnya enam bulan.

“Selama ini, saya sering berasa sakit pada kedua-dua bahagian itu, tetapi tidak menganggap serius kerana sa-

ya kira ia sakit biasa yang disebabkan oleh latihan keras.

“Kerana itu juga saya meneruskan latihan seperti biasa dan menahan saja kesakitan tersebut,” katanya.

Menurut Sheik lagi, rancangan beliau untuk berlatih di Indonesia selama dua minggu tergendala kerana pihak Persekutuan Silat Singapura (Persisi) belum bersedia memberikan lampu hijau.

Namun, Sheik tetap berharap dapat meneruskan latihan sebulan di Jerman bagi meng-

hadapi Kejohanan Dunia.

Sheik berkata, melihat kepada masa yang dimilikinya, persiapan bagi kejohanan dunia yang dimenangnya dalam 1994 dan 1990 itu adalah terlalu pendek.

“Tanpa rakan *sparring* dan perancangan teliti serta masa untuk membuat sesuatu program latihan, saya kira saya tidak mempunyai masa yang panjang untuk membuat persiapan bagi mempertahankan kejuaraan saya,” keluh Sheik.